

D844

U B377 AAB
MATHAIR - ISLAM R R R
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 9 JULAI)

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA TIDAK BERERTI KERAJAAN HENDAK MENGISLAMKAN ORANG BUKAN ISLAM ATAU MENUKARKAN KEBUDAYAAN MEREKA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

+KERAJAAN CUMA MENEKANKAN NILAI-NILAI ISLAM YANG BOLEH MENJADIKAN KITA BUKAN SAHAJA BAIK TETAPI JUGA BOLEH DITERIMA OLEH SEMUA MASYARAKAT+, KATA PERDANA MENTERI DALAM RANCANGAN ISU SEMASA MELALUI RTM.

TAMBAHNYA, SEBAB ITU TIDAK HARUS ADA PERASAAN RAGU-RAGU TERHADAP USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM ITU KERANA IA JUGA MEMBERI PENEKANAN KEPADA KERAJIAN, TOLERANSI, SIFAT BERTANGGUNGJAWAB DAN PERKARA-PERKARA BAIK YANG HARUS DIBUAT OLEH SEMUA PIHAK.

KATANYA, BELIAU TIDAK NAMPAK KENAPA MEREKA HARUS RAGU-RAGU, MELAINKAN KALAU MEREKA MEMBUAT TAFSIRAN YANG LAIN TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM ITU +DAN KERANA ITU, MEREKA MUNGKIN BERASA TAKUT.+

APABILA DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN ORANG BUKAN ISLAM BERASA TAKUT KERANA ADANYA TUNTUTAN DARIPADA GOLONGAN YANG MELAMPAU DALAM ISLAM SENDIRI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MENYEBUT APAKAH NILAI ISLAM YANG HENDAK DITERAPKAN +KERANA DALAM MASYARAKAT ISLAM PUN ADA YANG TIDAK SEMPURNA.+ -- LAGI.
1601MST 09 07 90

D846

U B379 AAB
MATHAIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

MALANGNYA, KATA BELIAU, ADA PIHAK LAIN YANG MEMBUAT TAFSIRAN MEREKA SENDIRI DENGAN BERKATA KALAU KERAJAAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM, INI MESTI DITUKAR, ITU MESTI DITUKAR DAN ORANG BUKAN ISLAM MESTI PATUH KEPADA KEHENDAK AJARAN ISLAM DAN SEBAGAINYA.

+ITU BUKAN MAKSUD KITA. MEREKA KADANG-KADANG EKSTRIM SEHINGGA ORANG ISLAM SENDIRI BERASA TERTEKAN DENGAN CARA-CARA MEREKA. UMPAMANYA MEREKA MENENTANG ASN. KONONNYA INI HARAM.

+BAHKAN MEREKA MENENTANG SEMUANYA SEHINGGA KALAU BOLEH MEREKA INGIN ASINGKAN SAMA SEKALI, SEHINGGA WANITA TIDAK BOLEH BEKERJA MELAINKAN TINGGAL DI DALAM RUMAH SAHAJA DAN MEMAKAI PURDAH,+ KATANYA.

BAGI MEREKA ITU, KALAU PUN KERAJAAN TIDAK MENYEBUT TENTANG PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM, MEREKA MASIH JUGA MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG SAMA, KATA BELIAU DAN MENAMBAH, YANG HARUS DIFAHAMKAN OLEH MASYARAKAT BUKAN ISLAM IALAH BAHAWA ITU BUKANLAH TUJUAN KERAJAAN.

+TUJUAN KITA IALAH UNTUK MENDIRIKAN SATU KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB, BERAMANAH, CEKAP, BERSIH, RAJIN DAN MEMPUNYAI SIKAP YANG BAIK TERHADAP TUGAS DAN TERHADAP ORANG RAMAI,+ KATANYA.
-- BERNAMA.

1605MST 09 07 90